

23/09/2000

Kenaikan harga petrol tidak beban pengguna

KENAIKAN harga petrol yang akan dilaksanakan kerajaan tidak lama lagi, tidak wajar dijadikan asas oleh mana-mana peniaga untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan mereka. Hanya mengaut keuntungan semata-mata menjadi matlamat peniaga, berbanding kewajaran kerajaan mahu menaikkan harga petrol yang sudah 10 tahun tidak pernah dikaji semula. Kenaikan harga minyak tidak dapat dielakkan kerana kerajaan sudah menanggung beban subsidi petrol berjumlah kira-kira RM5 bilion dalam tempoh itu dan terpaksa mengecualikan pembayaran cukai oleh syarikat petroleum bagi menstabilkan harga bahan itu.

Ini berbeza dengan sikap peniaga yang menaikkan sendiri harga barangan dan perkhidmatan sambil berselindung atas nama peningkatan mutu dan caj perkhidmatan setiap kali pengumuman pemberian bonus atau peningkatan elaun kepada kakitangan awam. Bagi mengelakkan peniaga mengambil kesempatan dan menjadikan kenaikan harga petrol sebagai alasan, sudah sampai masanya kerajaan bertegas dan memantau kegiatan mereka. Usaha ini perlu dilakukan secara konsisten oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna serta agensinya bagi memastikan pengguna tidak menjadi mangsa peniaga yang tidak beretika.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri berkata peniaga tidak ada hak untuk menaikkan harga barangan dan perkhidmatan hanya kerana harga petrol naik. Malah, dengan mengambil kira kenaikan harga minyak 10 peratus, peniaga masih boleh untung besar kerana peningkatan kos pengeluaran mereka tidak sampai setengah peratus. Sebarang kenaikan harga, terutama makanan akan memberi kesan ke atas pengguna, khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Kita percaya, kenaikan harga petrol nanti tidak akan membebankan pengguna. Kerajaan perlu memastikan industri pembuatan dan sektor perkhidmatan yang menggunakan petrol tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan dan perkhidmatan mereka.

Harga petrol di sini adalah yang terendah berbanding negara jiran, termasuk Singapura dan Thailand. Sekali pun dinaikkan dengan 10 peratus, harganya masih murah dan tetap menjadi pilihan deretan kereta dari Singapura dan Thailand untuk mengisi tangki kereta masing-masing selepas mengunjungi negara ini. Bagi industri, mereka perlu bijak menyerap peningkatan kos di kilang masing-masing kerana sekali pun harga minyak dinaikkan sebanyak 10 peratus harga pengeluaran mereka akan meningkat sebanyak setengah peratus saja.

(END)